

28 FEB 1997

Badminton - BAM

EWE HOCK DAN HOCK HIN DISENARAI DALAM PASUKAN NEGARA

KUALA LUMPUR, 28 Feb (Bernama) -- Ong Ewe Hock dan Yong Hock Kin yang disingkir oleh Nusa Mahsuri telah disenaraikan dalam pasukan negara walaupun kedua-duanya belum lagi memberi keputusan rasmi.

Persatuan Badminton Malaysia (BAM) mempelawa kedua-dua pemain profesional itu selepas latihan pemilihan minggu lepas untuk memilih pasukan negara yang baru, kata presidennya Datuk Dr Abdullah Fadzil Che Wan.

Beliau yang mempengerusikan mesyuarat tiga jam jawatankuasa eksekutif BAM di sini hari ini, berkata, kedua-dua pemain itu diberi tempoh masa untuk membuat keputusan.

Dilaporkan bahawa kedua-dua mereka sedang mencari penaja setelah gagal memperbaharui kontrak dengan pengurusan swasta, Nusa Mahsuri, Disember lepas.

Selain dari Ewe Hock dan Hock Kin, BAM juga memasukkan Wong Choong Hann, Wong Ewe Mum, Lo Ah Heng dan P. Kantharopan sebagai pemain perseorangan dalam pasukan kebangsaan.

Pasangan regu ialah Cheah Soon Kit/Yap Kim Hock, Choong Tan Fook/Lee Wan Wai, Chew Choon Eng/Rosman Razak, Yap Yee Hup/Yap Yee Guan dan Tan Kim Her/Lee Chee Leong.

Dr Abdullah berkata skuad bawah 20 tahun yang lepas dibubarkan dan dibahagi dua.

Para pemain perseorangan Division A ialah Jason Wong, Ramesh Nathan, Foo Yoon Keang, Ng Kean Kok dan Mahathir Mustaffa manakala pasangan regu ialah Cheah Soon Thoe/Chang Kim Wai, Pang Cheh Chang/Khoo Boo Hock dan Lim Theam Teow/Khoo Kok Keng.

Pemain perseorangan Division B pula ialah Yap Yong Jyen, Lee Tsuen Seng, Allan Tai, Siew Yian Wai dan Sairul Amin Ayob. Division B tidak mempunyai regu.

Dr Abdullah juga berkata BAM akan mengadakan perlawanan percubaan untuk memilih enam pemain perseorangan wanita dan empat regu wanita.

Katanya mereka yang tidak pilih untuk regu lelaki tetapi mempunyai potensi boleh menghubungi BAM untuk dipertimbangkan semula.

"Pintu skuad kebangsaan tidak tertutup untuk mereka," katanya.

Exco BAM juga mengambil keputusan membenarkan pemain-pemain berkongsi wang hadiah yang ditawarkan dalam kejohanan dalam usaha menyemai semangat berpasukan di kalangan mereka.

Bagaimanapun, kata beliau, jurulatih dan pegawai-pegawai tidak boleh berkongsi sama.

Malaysia memenangi AS\$40,000 (RM100,000) sebagai naib johan kepada Indonesia pada Piala Asia di Jakarta baru-baru ini. Acara berpasukan itu mengandungi dua perseorangan dan satu regu.

Sementara itu, pengarah kejurulatihan kebangsaan, Morten Frost, berkata latihan untuk pasukan negara itu akan bermula Isnin ini manakala pasukan wanita, yang belum lagi dipilih, akan diadakan dua minggu lagi.

"Kami berharap untuk memilih pasukan wanita secepat mungkin untuk latihan itu," katanya.

Frost, bekas juara All England, yang memulakan kontrak empat tahunnya dengan BAM bulan ini, berkata beliau akan menyediakan program latihan setiap tiga bulan untuk perlawanan yang ditetapkan ke atas setiap pemain.

-- BERNAMA

DC WAT

